



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO AR 5415

Ruj. Kami : JKWPKL/900 (S) /6 Jld. 10 ( 15 )

Tarikh : 9 Januari 2013

### SENARAI SEPERTI EDARAN

Tuan,

**PINDAAN TARIKH AKHIR PENGHANTARAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) TAHUN 2012 SECARA ONLINE MELALUI APLIKASI HRMIS BAGI IBU PEJABAT JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Unit ini bil. JKWPKL/900(s)/6 Jld. 9 ( 91 ) bertarikh 26 November 2012 adalah berkaitan.

2. Seperti tuan sedia maklum, Aplikasi HRMIS sejak kebelakangan ini telah mengalami gangguan capaian berikutan kerja membaik pulih server pangkalan data HRMIS di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Susulan daripada itu, pihak JPA telah bersetuju untuk melanjutkan tarikh akhir penilaian *Key Performance Indicator* (KPI) HRMIS bagi Ketua Jabatan daripada 15 Januari 2013 kepada 31 Mac 2013.

3. Sehubungan dengan itu, tarikh akhir penghantaran Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tahun 2012 di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dijadualkan semula seperti di **Lampiran A**. Kerjasama pihak tuan dimohon untuk **menyegerakan aktiviti mengunci masuk (key in) dan menghantar maklumat pencapaian sebenar SKT dan maklumat Kegiatan dan Sumbangan Di Luar Tugas Rasmi serta Latihan / Kursus Yang Telah dan Diperlukan (Bahagian I dan Bahagian II) Penilaian Prestasi** bagi tahun 2012 melalui Aplikasi HRMIS sebelum tamat tarikh akhir bagi melancarkan urusan PPSM.

JKWPKL/900(S)/6 Jld. 10 (15)

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(TEO KIM SIONG)**

Bahagian Pengurusan  
b/p Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur & Putrajaya

s.k.: **Pengarah Kesihatan Negeri  
JKWPKL&P**

PINDAAN TARIKH AKHIR PENGHANTARAN LAPORAN NILAIAN  
TAHUN 2012 BAGI IBU PEJABAT JKWPKL\_P MELALUI APLIKASI H

**JADUAL BARU TARIKH AKHIR PENGHANTARAN / PELAKSANAAN LNPT  
TAHUN 2012 BAGI IBU PEJABAT JABATAN KESIHATAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Pegawai Yang Dinilai (PYD) mengunci masuk pencapaian sebenar SKT  (Simpan dan Hantar kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP))	1 November 2012 hingga 27 Januari 2013
2.	PYD mengunci masuk maklumat LNPT : (i) Kegiatan dan sumbangan di luar tugas rami. (ii) Kursus yang telah dihadiri pada tahun penilaian. (iii) Kursus yang diperlukan pada tahun berikutnya.  (Simpan dan Hantar kepada PPP)	
3.	Penilaian LNPT oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan hantar kepada Pegawai Penilai Kedua (PPK)	28 Januari 2013 hingga 17 Februari 2013
4.	Penilaian LNPT oleh PPK dan hantar kepada Urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	18 Februari 2013 hingga 10 Mac 2013